

Mangsa banjir risau tebing sungai runtuh

JITRA - Dua buah keluarga mangsa banjir di Kampung Hilir, Kepala Batas di sini dibelenggu kegelisahan berikutan tebing Sungai Denai berhampiran rumah mereka runtuh malam kelmarin.



Ekoran itu, tidur malam tidak lena kerana khuatir kediaman mereka akan dihanyutkan arus deras kerana tebing sungai dengan rumah cuma kira-kira empat meter.

Seorang mangsa, Si-ti Hajar Darus (**gambar**), 56, memberitahu, kejadian berlaku

kira-kira pukul 8 malam apabila dia mendengar bunyi deruman kuat dekat rumah dan terus menghubungi pihak berkuasa.

“Mereka datang melihat dan menasihatkan supaya berpindah sementara.

“Malam kelmarin kami tidur di rumah anak di Taman Tunku Serena, Jitra,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, tebing sungai itu mula runtuh selepas banjir baru-baru ini dan bertambah buruk akibat hujan lebat pekat kelmarin.

“Dulu kalau hujan saya bimbang banjir tetapi kini saya bimbang tanah runtuh pula,” kata ibu tunggal yang tinggal bersama anak bongsunya, Nurul Hayati Is-



RAZMAN menunjukkan tanah runtuh di tepi rumahnya di Kampung Hilir, Kepala Batas, Jitra semalam.

hak, 21, di rumah itu lebih 30 tahun lalu.

Seorang lagi penduduk, Razman Ismail, 38, pula memberitahu, runtuhannya tanah itu menyebabkan dapur rumah sewanya menjadi senget.

Katanya, dia dapat melihat tanah menggelongsor ke dalam sungai dan po-

kok tumbang selain terdengar bunyi deruman yang kuat.

“Saya enam beranak terpaksa mencari rumah sewa lain kerana kediaman tersebut berisiko kepada tanah runtuh,” katanya yang menyewa di situ sejak lima tahun lalu.